



## UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

AGRICULTURE • INNOVATION • LIFE



### LAMPIRAN 4

## ISU LUARAN DAN DALAMAN YANG MEMBERI KESAN KEPADA SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT

Kemaskini: 3 Ogos 2018

**BERILMU BERBAKTI**  
WITH KNOWLEDGE WE SERVE I

www.upm.edu.my



### AGENDA 5: ISU LUARAN DAN DALAMAN YANG MEMBERI KESAN KEPADA SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT

..sebagaimana  
keperluan  
**klausa 9.3,**  
input kajian  
semula  
pengurusan



#### 5.3 Kajian semula pengurusan

Pengurusan atasan hendaklah mengkaji semua sistem pengurusan keselamatan maklumat organisasi pada sela masa yang dirancang bagi memastikan kesesuaian, kecukupan dan keberkesanan yang berterusan.

Kajian semula pengurusan hendaklah mengandungi pertimbangan tertang:

- status tinjauan daripada kajian semula pengurusan terdahulu;
- perubahan dalam isu luaran dan dalaman yang berkaitan dengan sistem pengurusan keselamatan maklumat;
- maklum balas tertang prestasi keselamatan maklumat, termasuk trend dalam:
  - ketakakuran dan tindakan pembetulan;
  - hasil pemantauan dan pengukuran;
  - hasil audit; dan
  - penapaian objektif keselamatan maklumat;
- maklum balas daripada pihak berkepentingan;
- hasil pentaksiran risiko dan plan pengurangan risiko; dan
- peluang untuk penambahbaikan berterusan.

Output kajian semula pengurusan hendaklah merangkumi keputusan yang berkaitan dengan peluang penambahbaikan yang berterusan dan sebarang keperluan untuk perubahan dalam sistem pengurusan keselamatan maklumat.

Organisasi hendaklah menyimpan maklumat yang dtdokumentasikan sebagai bukti daripada hasil kajian semula pengurusan.

**AGENDA 5: ISU LUARAN DAN DALAMAN YANG MEMBERI KESAN KEPADA SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT**
**5.3 Kajian semula pengurusan:**

Pengurusan atasan hendaklah mengkaji semua sistem pengurusan keselamatan maklumat organisasi pada sela masa yang dirancang bagi memastikan kesesuaian, kecukupan dan keberkesanan yang berterusan.

Kajian semula pengurusan hendaklah mengandungi pertimbangan tentang:

- a) status tinjauan daripada kajian semula pengurusan terdahulu;
- b) perubahan dalam isu luaran dan dalaman yang berkaitan dengan sistem pengurusan keselamatan maklumat;
- c) maklum balas tentang prestasi keselamatan maklumat, termasuk trend dalam:
  - 1) ketakakuran dan tindakan pembetulan;
  - 2) hasil pemantauan dan pengukuran;
  - 3) hasil audit; dan
  - 4) pencapaian objektif keselamatan maklumat;
- d) maklum balas daripada pihak berkepentingan;
- e) hasil pentaksiran risiko dan pelan pengurangan risiko; dan
- f) peluang untuk menambahkan berterusan.

Output kajian semula pengurusan hendaklah merangkumi keputusan yang berkaitan dengan peluang penambahbaikan yang berterusan dan sebarang keperluan untuk perubahan dalam sistem pengurusan keselamatan maklumat.

Organisasi hendaklah menyimpan maklumat yang didokumentasikan sebagai bukti daripada hasil kajian semula pengurusan.

Isu luaran dan dalaman dalam konteks **skop pensijilan ISMS:**

- 1) Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat bagi Proses Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Merangkumi Aktiviti Semakan Tawaran Hingga Pendaftaran Kolej Kediaman
- 2) Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat untuk Pengoperasian Pusat Data bagi Proses Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah
- 3) Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat untuk Pengoperasian Pusat Pemulihan Bencana bagi Proses Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah
- 4) Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat bagi Proses Penilaian Pengajaran Prasiswazah di Fakulti

**AGENDA 5: ISU LUARAN DAN DALAMAN YANG MEMBERI KESAN KEPADA SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT**

**Isu luaran dan dalaman** dikenalpasti berasaskan perubahan yang dilihat dari segi penstrukturan organisasi, perubahan terhadap proses kerja melalui teknologi dan inovasi, pelan tindakan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) UPM dan sebagainya yang memberi kesan kepada sistem penyampaian perkhidmatan dan pencapaian universiti.

**2018**

Pelaksanaan penggunaan kad maya **Putra Virtual ID (Putra VID)** sebagai identiti pengenalan pelajar




Diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Kali ke-636 pada 27 Februari 2018.

**AGENDA 5: ISU LUARAN DAN DALAMAN YANG MEMBERI KESAN KEPADA SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT**
**Putra Virtual ID  
(Putra VID)**


Kad pengenalan identiti pelajar secara maya di atas talian dengan penggunaan satu aplikasi berasaskan persekitaran **smartphone dan web**, yang dilengkapi dengan sistem kawalan pengenalan identiti menggunakan teknologi **QRCode**.

Membantu pelajar untuk menguruskan pengenalan diri semasa berinteraksi dengan semua kemudahan kampus seperti **capaian aplikasi ICT, penggunaan kemudahan infrastruktur, kehadiran, pembayaran, pengesahan warga universiti** dan sebagainya

Penggunaan Putra VID telah **mula digunakan** bagi pendaftaran pelajar baharu Program Asasi Pertanian pada **1 Jun 2018** dan juga untuk kemasukan **pelajar baharu Prasiswazah Kampus Serdang dan Bintulu** bagi sesi kemasukan **2018/2019**.

**AGENDA 5: ISU LUARAN DAN DALAMAN YANG MEMBERI KESAN KEPADA SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT**


**SYOR**

Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan dimohon **mengambil perhatian** berhubung:

1. perubahan isu dalaman berkaitan penggunaan kad maya yang telah dilaksanakan di UPM yang memberi kesan kepada Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 bermula kemasukan pelajar baharu prasiswazah sesi kemasukan 2018/2019; dan
2. Adalah di syorkan penggunaan kad maya dipanjangkan perlaksanaannya kepada semua staf UPM sebagai pengenalan identiti menggantikan Kad Staf sedia ada, berdasarkan impak positif yang telah dikenalpasti.

